

Bahagian A
[50 markah]
Jawab **semua** soalan

1. Gambar di bawah menunjukkan masyarakat majmuk di negara kita yang mengamalkan perpaduan melalui aktiviti kemasyarakatan.



Foto: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

- a. Nyatakan contoh amalan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

- I. _____
II. _____

[2 markah]

- b. Mengapakah setiap rakyat Malaysia perlu memahami konsep perpaduan dan menjadikannya sebagai amalan harian?

- I. _____
II. _____
III. _____

[3 markah]

- c. Bagaimanakah anda berperanan untuk membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum?

- I. _____
II. _____
III. _____

[3 markah]

- d. Jelaskan implikasi terhadap masyarakat dan negara jika aspek perpaduan tidak dititikberatkan oleh pelbagai pihak.

[2 markah]

2. Keratan akhbar di bawah berkaitan dengan isu muflis dalam kalangan masyarakat Malaysia.



(Sumber: *Berita Harian*, 30 Januari 2018)

a. Apakah sebab seseorang individu diisytiharkan muflis pada usia muda?

I. _____

[2 markah]

b. Bagaimanakah anda mengamalkan pengurusan perbelanjaan secara beretika dalam kehidupan harian?

[4 markah]

c. Jelaskan kesan yang akan berlaku sekiranya anda diisytiharkan muflis.

[4 markah]

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan remaja dan norma masyarakat global.

Remaja dan norma masyarakat global

a. Nyatakan contoh amalan masyarakat global yang boleh diamalkan oleh remaja dalam kehidupan harian.

[2 markah]

b. Jelaskan kepentingan amalan norma masyarakat global untuk menjadikan sesebuah masyarakat lebih sejahtera dan harmoni.

[3 markah]

c. Senaraikan kesan pengabaian norma masyarakat global.

- I.

- II.

- III.

- IV.

[4 markah]

d. Nyatakan nilai universal yang patut diamalkan oleh masyarakat global.

[1 markah]

4. Gambar di bawah menunjukkan beberapa jenis makanan tradisional yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia. Sebahagian daripada menu makanan tradisional ini telah mendapat sambutan masyarakat global.



a. Nyatakan makanan yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia dan di minati di luar negara.

I. _____

II. _____

[2 markah]

b. Jelaskan sebab rakyat Malaysia perlu mempertahankan makanan tradisionalnya.

[2 markah]

c. Sebagai individu glokal, cadangkan cara untuk mempromosikan makanan tempatan di peringkat global.

I. _____

II. _____

[4 markah]

d. Adakah anda bersetuju bahawa inovasi terhadap makanan tradisional perlu dilakukan? Berikan justifikasi anda.

[2 markah]

5. Kejayaan Datuk Azizul Hasni Awang adalah antara bukti rakyat Malaysia mampu bersaing di persada dunia dalam arena sukan.



a. Selain bidang kesukanan, Nyatakan dua contoh kejayaan Malaysia dalam bidang lain yang membanggakan di persada dunia.

I. _____

II. _____

[2 markah]

b. Apakah cabaran yang perlu ditempuhi dalam mengharumkan nama negara dalam bidang kesukanan.

I. _____

II. _____

III. _____

[3 markah]

c. Terangkan kepentingan mengharumkan nama negara di persada dunia.

I. _____

II. _____

III. _____

[3 markah]

d. Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat mengharumkan nama negara.

[2 markah]

c. Huraikan cara golongan remaja mengelakkan diri daripada terjebak dalam budaya hedonisme. [8 markah]

[illegible]

9. Keratan akhbar di bawah berkaitan penglibatan Malaysia dengan Negara luar.

KUALA LUMPUR: Penglibatan Malaysia dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) sebenarnya menguntungkan negara.

Penganalisis politik, Prof. Ahmad Martadha Mohamad berkata, sebagai sebuah negara kecil yang tidak begitu kuat dari sudut ekonomi dan politik, Malaysia tidak boleh mewujudkan konflik dengan mana-mana negara terutama kuasa besar.

Sumber : Diubahsuai daripada <https://www.astroawani.com/>

a. Selain penglibatan Malaysia dalam Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM), nyatakan pertubuhan antarabangsa lain yang dianggotai oleh Malaysia.

[4 markah]

b. Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia tidak boleh menimbulkan konflik dengan negara luar?

[8 markah]

This image shows a full page of a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page, providing a template for writing or drawing. There are no margins, text, or other markings on the paper.

11